

## **TANGGUNGJAWAB TERHADAP NEGARA**

### **UNIT 5.5: Mengetahui dan Menghormati Acara Kenegaraan**

- **Sambutan Hari Keputeraan KYDMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Bruni Darusaalam.**

#### **A - FIKIR DAN JAWAB**

1. Bilakah Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunie Darusaalam diadakan setiap tahun?
  - a) Pada 15 Julai setiap tahun
  - b) Pada 15 Jun setiap tahun
  - c) Pada 15 Mei setiap tahun
2. Mengapakah para pelajar sanggup berbaris di sepanjang jalan yang dilalui baginda?
  - a) Pelajar sanggup berbaris di sepanjang jalan yang dilalui baginda sebagai tanda kegembiraan.
  - b) Pelajar sanggup berbaris di sepanjang jalan yang dilalui baginda sebagai tanda hormat, cinta dan sayang kepada raja.
  - c) Pelajar sanggup berbaris di sepanjang jalan yang dilalui baginda sebagai tanda tanya bagaimana wajah baginda raja.
3. Apakah tujuan baginda Sultan beramah mesra bersama rakyat?
  - a) Tujuan baginda beramah mesra bersama rakyat adalah untuk meraikan hari keputeraan baginda bersama-sama
  - b) Tujuan baginda beramah mesra bersama rakyat adalah untuk memastikan rakyatnya sentiasa dalam keadaan selamat
  - c) Tujuan baginda beramah mesra bersama rakyat adalah untuk memelihara rakyatnya daripada serangan musuh
4. Bila dan di mana Istiadat mengurniakan bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam?
  - a) Istiadat mengurniakan bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam selepas Istiadat Perpuspaan dan bertempat di Balai Singgahsana Indera Kayangan, Istana Nurul Iman

*Melayu Islam Beraja  
Tahun 5A/5B  
2hb Oktober 2021  
SFHMT/MIB/HPL/WK7*

## **TANGGUNGJAWAB TERHADAP NEGARA**

### **UNIT 5.5: Mengetahui dan Menghormati Acara Kenegaraan**

- **Sambutan Hari Keputeraan KYDMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Bruni Darusaalam.**

- b) Istiadat mengurniakan bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam selepas Istiadat Perbarisan Pagi dan bertempat di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Izzah
  - c) Istiadat mengurniakan bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam selepas Istiadat Perbarisan Kehormatan dan bertempat di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman
5. Apakah acara menjadi tumpuan dan daya tarikan kepada rakyat di sepanjang Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan?
- a) Persembahan hiburan, kebudayaan dan keagamaan dari pelbagai pihak menjadi tumpuan dan tarikan perayaan
  - b) Gerai-gerai perayaan menjadi tumpuan dan tarikan perayaan.
  - c) Penganugerahan bintang-bintang kebesaran Negara Brunei Darussalam menjadi tumpuan dan tarikan perayaan

## TANGGUNGJAWAB TERHADAP NEGARA

### UNIT 5.5: Mengetahui dan Menghormati Acara Kenegaraan

- Sambutan Hari Keputeraan KYDMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Bruni Darusaalam.

#### B – Betul atau Salah

Nyatakan **(B)** bagi betul atau **(S)** bagi salah untuk keterangan ayat di bawah ini

| Bil. | Keterangan                                                                                                         | B / S |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|
| 1.   | Sepanjang perayaan, rakyat tidak boleh meraikan hari keputeraan KDYMM Paduka Baginda Sultan                        |       |
| 2.   | Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat diadakan di daerah Brunei-Muara, Belait dan Tutong sahaja.    |       |
| 3.   | Sambutan Hari Keputeraan KDYMM disambut pada setiap 15hb Oktober setiap tahun.                                     |       |
| 4.   | Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei dikurniakan kepada orang yang banyak berjasa kepada raja dan negara.       |       |
| 5.   | KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan adalah sultan ke 28.                                                              |       |
| 6.   | Rakyat dan penduduk yang merancang segala acara sambutan perayaan agar menarik dan meriah.                         |       |
| 7.   | Kain rentang bagi sambutan perayaan hanya perlu dipasang di kawasan rumah sahaja.                                  |       |
| 8.   | Perhimpunan sempena sambutan Hari Keputeraan KDYMM dapat memupuk sikap camah mata dan pilih kasih.                 |       |
| 9.   | Sewaktu berada di gerai-gerai perayaan, kita perlu mengamalkan sikap pembersih; tidak membuang sampah merata-rata. |       |
| 10.  | Sambutan Hari Keputeraan KDYMM pada tahun ini diadakan di Taman Jubli.                                             |       |

## TANGGUNGJAWAB TERHADAP NEGARA

### UNIT 5.5: Mengetahui dan Menghormati Acara Kenegaraan

- Sambutan Hari Keputeraan KYDMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

#### C – Isi tempat kosong.

Setiap tahun pada tarikh \_\_\_\_\_ adalah hari yang bersejarah kerana pada hari itulah diadakan sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Sultan yang ke-\_\_\_\_\_. Biasanya, sambutan perayaan akan diadakan di keempat-empat daerah iaitu Daerah Brunei Muara, Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah \_\_\_\_\_. Ahli-ahli Jawatankuasa Kebangsaan akan \_\_\_\_\_ segala acara sambutan perayaan supaya menarik dan meriah.

Orang ramai dan pembesar-pembesar negara akan \_\_\_\_\_ kebangsaan dan bendera peribadi masing-masing. \_\_\_\_\_ rentang bagi sambutan perayaan hari keputeraan juga dipasang di kedai-kedai dan bangunan \_\_\_\_\_.

Pada hari tersebut, acara dimulakan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Istiadat \_\_\_\_\_ Kehormatan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu \_\_\_\_\_. Para pelajar akan berbaris dan mengibarkan \_\_\_\_\_ kecil di senjang jalan yang dilalui baginda sebagai tanda hormat, \_\_\_\_\_ dan sayang kepada raja. Mereka sanggup berhujan dan panas semata-mata ingin melihat dan menatap \_\_\_\_\_ baginda secara dekat.

Selepas itu, disusuli pula dengan Istiadat \_\_\_\_\_ Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam di \_\_\_\_\_ Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman. Pengurniaan bintang-bintang dan gelaran adalah khusus bagi orang-orang yang banyak \_\_\_\_\_ kepada raja dan negara.

## TANGGUNGJAWAB TERHADAP NEGARA

### UNIT 5.5: Mengetahui dan Menghormati Acara Kenegaraan

- Sambutan Hari Keputeraan KYDMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Bruni Darusaalam.

#### D – PADANKAN AYAT

Padankan NILAI-NILAI MURNI / PERKATAAN di dalam Petak A yang sesuai dengan maksud yang terdapat dalam Petak B. Tuliskan huruf di ruang JAWAPAN yang disediakan di dalam Petak A.

| Petak A                       |                |         | Petak B |                                                                 |
|-------------------------------|----------------|---------|---------|-----------------------------------------------------------------|
| Nilai-Nilai Murni / Perkataan |                | Jawapan | Maksud  |                                                                 |
| 1                             | Perayaan       |         | A       | Ulang tahun                                                     |
| 2                             | Keputeraan     |         | B       | Bangunan dalam kawasan istana                                   |
| 3                             | Keberangkatan  |         | C       | Berbuat kebaikan                                                |
| 4                             | Istiadat       |         | D       | Sebulat suara bersetuju mengenai sesuatu keputusan atau perkara |
| 5                             | Balai          |         | E       | Melakukan lawatan                                               |
| 6                             | Berjasa        |         | F       | Mengikut perintah tuhan, pemerintah dan sebagainya              |
| 7                             | Taat           |         | G       | Bertolak                                                        |
| 8                             | Muafakat       |         | H       | Kain terhulur panjang                                           |
| 9                             | Kain rentang   |         | I       | Upacara atau majlis rasmi                                       |
| 10                            | Junjung ziarah |         | J       | Acara untuk merayakan sesuatu peristiwa atau keramaian          |